



06.
BAB
CHAPTER



**Hal Ehwal Alam Sekitar
Antarabangsa – Kerjasama
Serantau
International Environmental
Affairs – Regional Cooperation**

MALAYSIA - SINGAPURA

Mesyuarat Kedua belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (MSJCE WG)

Mesyuarat Kedua Belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (WG of MSJCE) telah diadakan pada 22 – 23 Mei 2014 di Kuala Lumpur. Dipengerusikan bersama oleh Y.Bhg. Dato' Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan Encik Ronnie Tay, Ketua Pegawai Eksekutif, National Environment Agency, Singapura.

Mesyuarat ini dihadiri oleh 21 delegasi dari pelbagai agensi dari Malaysia seperti Pusat Hidrografi Nasional, Universiti Kebangsaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (Johor), Jabatan Laut, Johor Port Authority dan wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Selain itu, Singapura diwakili oleh 21 delegasi dari pelbagai agensi seperti Lembaga Pembekalan Awam, Kementerian Pembangunan Negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Lembaga Perumahan dan Pembangunan, Maritime and Port Authority, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air dan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura.

MALAYSIA-SINGAPORE

The 12th Meeting of the Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment Working Group - Working Group Meeting (MSJCE WG)

The 12th Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE) Working Group Meeting (WG of MSJCE) The 12th Meeting of the Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment Working Group was held in Kuala Lumpur on 22 - 23 May 2014. The Meeting was co-chaired by Dato' Halimah Hassan, Director-General of the Environment, Malaysia and Mr. Ronnie Tay, Chief Executive Officer, National Environment Agency, Singapore.

This meeting was attended by 21 delegates from of various agencies from Malaysia namely the Centre of National Hydrography, Universiti Kebangsaan Malaysia, Economic Planning Unit (Johor), the Marine Department, Johor Port Authority and a representative from the Ministry Natural Resources and Environment. Meanwhile, Singapore was represented by 21 delegates from different agencies namely the Public Utilities Board, the Ministry of National Development, the Ministry of Foreign Affairs, the Housing and Development Board, the Maritime and Port Authority, the Ministry of the Environment and Water Resources as well as the High Commission of the Republic of Singapore.

Mesyuarat ini memainkan peranan penting untuk kedua-dua negara untuk bertukar-tukar maklumat dan pengalaman dalam menangani isu-isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan bersama.

This meeting played an important role for both countries in the exchange of information and experiences in resolving tackling environmental issues of mutual interest.



Mesyuarat Kedua-belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (MSJCE WG) pada 22 - 23 Mei 2014 di Kuala Lumpur.

The 12th Meeting of the Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment Working Group (MSJCE WG) on 2 - 23 May 2014 in Kuala Lumpur

Hal Ehwal Alam Sekitar Antarabangsa – Kerjasama Dua Hala

MALAYSIA – KOREA SELATAN

Satu delegasi yang terdiri daripada 10 orang pegawai dari Kementerian Alam Sekitar Korea Selatan telah mengadakan lawatan ke Jabatan Alam Sekitar, Malaysia pada 24 April 2014. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memahami polisi dan pengurusan masalah alam sekitar di Malaysia.

MALAYSIA – OMAN

Seramai 12 orang dari Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Oman telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Alam Sekitar pada 18 Jun 2014. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman mengenai pengurusan masalah alam sekitar di Malaysia.

International Environmental Affairs – Bilateral Cooperation

MALAYSIA – SOUTH KOREA

A delegation consisting of 10 senior officers from Ministry of Environment, South Korea, paid a study visit to the Department of Environment, Malaysia on 24 April 2014. The visit aimed to understand the policy and environmental crisis management in Malaysia.

MALAYSIA – OMANI

A total of 12 people from Environment Management Section has been conducting a study tour to the DOE on 18 June. The purpose of this visit was to learn and share experience on environmental crisis management in Malaysia.



Lawatan Delegasi dari Korea Selatan ke JAS pada 24 April 2014
Visit by South Korean delegation to DOE on 24 April 2014



Lawatan Delegasi dari Oman ke JAS pada 18 Jun 2014
Visit by Omani delegation to DOE on 18 June 2014